

18 JULAI 2018

Dua lelaki ditangkap bersama dadah, sepucuk pistol



AZRY AKMAR AYOB menunjukkan sepucuk pistol dan beberapa butir peluru di ibu pejabat Polis Daerah Lipis, Pahang, kelmarin.

Dua lelaki ditangkap bersama dadah, sepucuk pistol

KUANTAN 17 Julai - Polis menahan dua lelaki dan merampas sepucuk pistol, 11 butir peluru hidup serta sebutir kelongsong peluru dalam serbuan di sebuah rumah di Merapoh, Kuala Lipis dekat sini semalam.

Ketua Polis Daerah Lipis, Superintenden Azry Akmar Ayob berkata, serbuan pukul 4 petang itu turut menemukan 37.63 gram dadah jenis syabu bernilai kira-kira RM36,000.

"Ketika serbuan, kedua-dua lelaki berusia dalam lingkungan 30 hingga 37 tahun itu ditemukan bersama beg silang berwarna hitam.

"Pemeriksaan mendapati beg berkenaan mengandungi empat peket plastik berisi serbuk ketulan kristal disyaki dadah jenis syabu dan sebutir peluru hidup," katanya di sini hari ini.

Menurut Azry, pemeriksaan ke atas kereta jenis Proton Satria berwarna kelabu di depan rumah itu pula menemukan sepucuk

senjata api dengan sebutir peluru hidup di dalam beg hitam.

"Turut ditemukan stokin putih yang di dalamnya terdapat sembilan butir peluru hidup dan sebutir kelongsong peluru. Siasatan polis mendapati suspek tidak bekerja.

"Lelaki berusia 37 tahun itu memiliki empat rekod jenayah lampau dan seorang lagi mempunyai tiga rekod berkaitan jenayah serta dadah," ujarnya.

Tambahnya, suspek dipercayai aktif mengedar dadah di kawasan Merapoh dan Gua Musang, Kelantan dengan seorang suspek berusia 30 tahun itu baru seminggu dibebaskan dari penjara.

"Kes ini disiasat di bawah Seksyen 39A(2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952, Seksyen 15(1) ADB 1952, Seksyen 8 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 dan Seksyen 8 Akta Senjata 1960," katanya yang memberitahu kedua-dua suspek direman selama seminggu bermula hari ini.